



# The Epitome I'pitəmi

Academy of Language Studies, UiTM Kedah Branch

*Unleash the epitome of creative writers*

Volume 1, Issue 1

2023

## **COPYRIGHT PAGE**

Copyright© 2023 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 - 0075

Published by:

UiTM Kedah Branch,  
Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,  
UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok, Kedah  
Email address: [razanawati@uitm.edu.my](mailto:razanawati@uitm.edu.my)  
Contact No: 044562421

Copy Editor: Ms. Alia Nabella Fateha Zolkifli


Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

# APB KEDAH: THE EPITOME EDITORIAL BOARD



**Advisor**

Mr. Azlan Abdul Rahman



**Chief Editors**

Dr. Nur Syazwanie Mansor  
Puan Razanawati Nordin



**Managing Editors  
& Promotion**

Puan Sharifah Syakila  
Syed Shaharuddin

**Editor &  
Content Reviewers**



Puan Hajah  
Sharina Saad



Puan Phaveena  
Primsuwan



Puan Samsiah  
Bidin



Puan Ho Chui Chui  
Puan Syazliyati Ibrahim



Ustaz Mohd  
Zulkhairi Abd  
Hamid



Puan Noor 'Izzati  
Ahmad Shafai



Cik Lee Chai  
Chuen



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin

**Secretaries**



Puan Nor Asni  
Syahriza Abu  
Hassan



Puan Mas Aida  
Abd Rahim



Puan Rafidah  
Amat



Puan Khairul Wanis  
Ahmad

**Technical  
Website**



**Graphic  
Designer**

Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin



Ms. Alia Nabella  
Fateha Zolkifli

**Copy  
Editor**

## **SYNOPSIS**

The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah branch is proud to present the first issue of its e-magazine, The Epitome, as our focus to highlight our commitment to contribute to the areas of creative writing.

THE EPITOME aims to provide a platform for writers, educators, academicians, poet, and researchers to share their ideas, findings, knowledge, and experience, particularly on various creative writing genres - personal essays, poetry, short stories, songs, movie scripts, plays, and innovative projects in four different languages ( English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic).

## **EDITOR'S NOTE**

Dear readers,

It is with great pleasure and immense pride that we, the Academy of Language Studies at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah branch, extend our warmest welcome to all writers and readers to honor all 127 artistic masterpieces. This is indeed a tremendous achievement to commemorate our debut.

We are privileged to offer the platform for the writers to show their talents in creative writing in this magazine, which serves as a testament to our commitment to the area of personal essays, poetry, short stories, songs, movie scripts, plays, and innovative projects. Their invaluable contributions and unwavering commitment to academic excellence have played a vital role in shaping this magazine.

Thank you.

Best regards,

Editorial Board

- 30 HERS**  
By Iffah Insyrah Mohd Zarali, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka
- 32 SOUL WITNESS**  
By Maryam Azizan, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam
- 34 AKU – VIRUS COVID-19**  
By Mohd Izani Othman (DR.), Faculty of Pharmacy, UiTM Pulau Pinang, Bertam Branch
- 36 BUNGA ANEH DAN SEBUAH KEHIDUPAN**  
By Nurhafizah Ali, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu
- 37 WHAT?!**  
By Ong Elly, Academy of Language Studies, UiTM Perak, Tapah Branch
- 38 A LONGED VACATION**  
By Siti Husniah Husin, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Dengkil
- 40 A WITNESS**  
By Siti Husniah Husin, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Dengkil
- 42 SECRET LOVE**  
By Siti Husniah Husin, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Dengkil
- 43 ABAH**  
By Siti Norfatihah Ismail, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Selangor
- 45 CHATGPT: SAY YES OR NO?**  
By Hajah Aishah Haji Othman, Pusat Tingkatan Enam, SMK Keladi, Kulim, Kedah
- 47 SEBUAH PENGAJARAN DAN KESEDARAN**  
By Arrominy Haji Arabi, Faculty of Business and Management, UiTM Sarawak Branch
- 48 忆北京留学之食篇**  
By 朱锦芳Choo Kim Fong, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Johor Kampus Segamat
- 49 ARE WE LIVING IN THE AGE OF DIGITAL DYSTOPIA?**  
By Dr Sheikh Ali Azzran, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam
- 51 “THREE DECADES OF DEAD POETS SOCIETY”**  
By Faiza Rostam Affendi, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Pahang
- 53 THE WAY OF LIFE**  
By Haslina Hassan, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam
- 55 擂茶飘香 (THE FRAGRANCE OF LEICHA)**  
By Loh Siaw San, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Sarawak
- 56 CURRENT TRENDS OF TRAVEL AGENCY**  
By Mashita Abdul Jabar, Faculty of Hotel and Tourism Management, UiTM Melaka Branch
- 58 NIGHT OF THE LONG KNIVES**  
By Mohd Faisal Abdul Wahab<sup>1</sup>, Dr. Azila Azmi<sup>2</sup>, Faculty of Hotel and Tourism, UiTM Pulau Pinang Branch
- 60 PERSONAL ESSAY: WHAT MAKES A GREAT LEADER IN ACADEMIA?  
FIVE QUALITIES TO LOOK FOR**  
By Muhammad 'Arif Aizat Bin Bashir<sup>1</sup>, Ahmad Fauzan Bin Badiuzaman<sup>2</sup>  
Faculty of Hotel and Tourism Management, UiTM Pulau Pinang, Permatang Pauh Campus
- 61 THE JOURNEY: AM I CAPABLE?**  
By Natasha Zuhaimi, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Pahang Branch, Kampus Raub

## ABAH

**Siti Norfatihah Ismail**

Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Selangor  
sitino8537@uitm.edu.my

100 hari yang lalu, dalam sunyi hening pagi, kami dua beradik setia menanti di ruangan menunggu.

"Adik, boleh dah ajar ayah mengucap" panggil Dr Amira. Doktor yang sejak petang tadi memantau keadaan abah di zon merah unit kecemasan ini.

Kami berdua bergegas ke kiri dan kanan abah. Kami pegang tangan abah sambil melafazkan syahadah ringkas ke telinganya.

Sempat ku dengar abah turut sama melafazkan dan dia yang tadinya agak gelisah semakin tenang. Kusapu airmata yang mengalir di tubir matanya dan akhirnya abah diam begitu saja. Kami berpandangan seakan tidak percaya apa yang baru saja dilalui.

Dr Amira memecah kesayuan "kalau ikutkan, ayah dah tak ada tapi sebab ada bantuan ubat, mesin masih dapat kesan degupan jantung dia. Jadi, saya tunggu mesin ni berhenti dulu baru saya umum waktu kematian secara rasmi".

Ya, setibanya di hospital petang tadi, abah telah diberikan ubat penguat jantung kerana tekanan darah dan denyutan nadinya makin menurun. Kesan ubat itulah yang menyebabkan degupan jantung abah masih ada walaupun roh dan jasadnya sudah terpisah.

Kami berdua hanya mengangguk.

Terima kasih kepada Dr Amira kerana ketenangannya mengawal situasi menjadikan kami juga lebih kuat menghadapi saat-saat akhir itu.

Pantas... dan tidak ku sangka itu hari terakhir kami bersama abah. Tiada yang pelik sebelum itu melainkan perkara biasa yang saban kali telah kami lalui.

10 minit kemudian, adik lelakiku tiba bersama mama. Terus kupeluk mama sambil menyeka

air jernih yang mengalir di pipinya. Ada rasa ralat dihatiku pabila mama tidak sempat bersama abah di saat akhirnya. Mungkin silapku jua kerana salah membuat percaturan. Aku tidak benarkan mama ke hospital petang tadi kerana keadaan kesihatannya juga tidak begitu baik. Apabila keadaan abah semakin merosot, baru kupinta mereka bergegas ke sini. Abah disahkan menghidap kanser hati tahap 3 hampir setahun yang lalu. Dek faktor usianya yang sudah lanjut, tidak banyak pilihan rawatan yang boleh dijalankan. Dua minggu sebelum ini pun doktor pakar telah mengadakan satu sesi perbincangan bersama ahli keluarga.

Menerusi perbincangan tersebut, memang kami sedar yang masa untuk abah ada dengan kami sudah semakin singkat. Namun, walau dalam sedar dan sentiasa bersedia, peritnya sebuah kehilangan itu tetap tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

Abah, 5 Januari 2020 adalah tarikh yang akan kami ingati. Hampir jam 1 pagi kami dipanggil ke zon merah, unit kecemasan hospital. Aku dan adik yang memang sedia menunggu disitu terus berlari kesana sebaik sahaja mendengar pengumuman tersebut.

Ku hampiri abah yang kelihatan tidak keruan di katil. Abah sebut namaku namun tidak sempat kami teruskan bicara, doktor dan jururawat datang menghampiri.

"Keadaan ayah sekarang agak stabil. Kita akan pindahkan ke wad. Nanti bolehlah panggil semua ahli keluarga kemari.. tak apa walau bukan waktu melawat pun." Kata Dr Amira sambil tersenyum.

Kufahami maksud senyuman itu dan terus kuhantar mesej kepada ahli keluarga yang lain. Sedang kami memperhatikan para petugas bersiap sedia untuk membawa abah ke wad, tiba-tiba mesin yang memantau tekanan darah abah berbunyi nyaring. Tekanan darah abah turun mendadak. Walaupun dos ubat penguat

jantung dinaikkan, tiada respon positif yang kelihatan.

Hampir 10 minit kemudian, semuanya berakhir. Alhamdulillah. Dipagi jumaat yang mulia, abah dijemput pulang. Satu pengalaman berharga bagi ku sebagai anak yang paling tua ada ketika itu. Abang-abang yang lain masih dalam perjalanan ke hospital.

Kuhubungi saudara mara yang lain, menghebahkan kehilangan ini. Rupanya tidak mudah setiap kali ingin membuka cerita. Walaupun skripnya sama namun pedihnya tetap berulang. Dan reaksi setiap orang tidak sama. Setiap kali mendengar tangisan orang ditalian sana, aku menangis lagi.

Setelah selesai semua urusan di hospital, aku dan adik menemani abah menempuh perjalanan pulang ke rumah. Bau wangi haruman mawar mengiringi kami dalam van jenazah itu.

Jika bukan kerana penumpangnya abah, tidak mungkin kami akan seberani itu meredah kegelapan malam dalam kenderaan yang digeruni ramai.

Malam yang tidak mungkin terlupakan...

Dan abah, tidak mungkin juga terhapus dari memori kami. Jasamu terlalu besar dalam kehidupan kami. Rehatlah abah di sana. Semoga satu hari nanti kita dapat bertemu kembali. Salam sayang dari anakanda yang sentiasa dalam kerinduan.

Nukilan  
Siti Norfatihah Ismail  
Pegawai Dietetik  
Fakulti Sains Kesihatan, UiTM

